

## Bab 4

### Adat dan hubungannya dengan amalan ritual

#### i) Pengenalan

Seperti yang telah diperincikan pada awal perbincangan alam kehidupan orang Bidayuh terbentuk oleh suatu proses hubungan dan integrasi dengan alam semulajadi yang wujud disekelilingnya. Proses hubungan dan integrasi manusia-alam mempunyai ikatan yang sangat erat kerana kuatnya sentimen kepercayaan yang menganggap alam semulajadi serta segala hidup menjadi asas kekekalan hidup berterusan. Kekuatan serta keutuhan proses hubungan manusia-alam ini sesungguhnya terangkum dalam semangat adat. Oleh yang demikian, dengan adanya kepercayaan bahawa segala bentuk tindakan atau perlakuan individu atau masyarakat ke atas alam semulajadi perlu mematuhi ketentuan yang tidak menyalahi adat demi memelihara serta mengekalkan keseimbangan alam semulajadi. Dalam kata lain, adat adalah elemen yang wujud berperanan mengawal dan memelihara keseimbangan hubungan manusia-alam.

Dengan adanya kepercayaan itu, maka bagi masyarakat Bidayuh adat dianggap sebagai himpunan nilai yang membentuk etika atau tatacara yang menentukan perlakuan dalam bertindak. Dalam setiap tindakan adat dimuliakan kerana percaya kesempunaan hidup terletak atas ketentuan adat. Membelakangkan adat kehidupan menjadi tidak harmonis. Kepercayaan ini sentiasa hidup dalam diri individu atau masyarakat yang menjunjungnya kerana realiti kehidupan manusia yang sempurna terletak atas

keseimbangan atau keserasian alam semulajadi. Seperti yang telah diperincikan pada awal perbincangan, Jenssen (1974) menegaskan kehidupan tidak wujud sendiri tetapi dikongsi bersama dengan makhluk dan hidupan lain yang wujud disekelilingnya.

Demikian pula, setiap bahagian alam semulajadi yakni manusia mahupun hidupan lain mempunyai peranan mengekal serta memelihara keseimbangan melalui proses kesempurnaan hubungan dan integrasi. Proses hubungan manusia-alam pula tidak hanya terbatas kepada bentuk hubungan fizikal tetapi juga menuntut suatu bentuk hubungan spiritual melalui amalan ritual. Fenomena ini berlaku kerana dalam kehidupan masyarakat Bidayuh wujudnya bentuk kepercayaan yang berasaskan elemen sakral. Seperti yang telah dikatakan alam kehidupan tidak hanya wujud sendiri tetapi dikongsi bersama dengan makhluk dan elemen supernatural lain. Oleh itu, kerana adanya fenomena begitu maka kehidupan secara tidak langsung terikat dengan mempercayai kebenaran kewujudan kehidupan elemen supernatural mahupun spiritual.

Dari itu, maka setiap individu atau masyarakat taksub dengan mempercayai elemen sakral seperti peristiwa ataupun perkara yang diluar pengetahuan biasa. Elemen sakral ini biasanya dikaitkan dengan peristiwa yang dijelaskan melalui simbol-simbol atau lambang yang membawa makna tertentu dan dipercayai benar-benar wujud. Amalan ritual adalah suatu mekanisme yang digunakan dalam proses hubungan manusia dengan alam spiritual untuk memperoleh kehidupan harmonis. Amalan ritual dipersembahkan mengikut kesesuaian dan tujuan tertentu dalam adat. Ini kerana amalan ritual merupakan manifestasi adat yang diamalkan dalam proses hubungan manusia dengan alam spiritual. Segala bentuk

peristiwa atau kejadian sakral yang berlaku hanya boleh difahami dengan melakukan proses ritual.

Fenomena di atas jelas menunjukkan ritual memainkan peranan penting dalam proses hubungan manusia dengan alam spiritual. Bagi masyarakat Bidayuh percaya dengan amalan ritual menjadikan adat semakin utuh dari segi prinsip. Oleh itu, hampir setiap tindakan serta perlakuan yang dilakukan perlu mendapat restu ritual menurut adat. Dalam hal ini, adat bukan hanya mencirikan falsafah kepercayaan yang menjadi pedoman hidup tetapi juga membentuk suatu etika atau himpunan peraturan yang memelihara serta mengawal tindak tanduk sosial individu. Pendek kata, adat mencirikan etika dan tatacara sosial yang harus dipatuhi dalam bertindak. Etika dan tatacara sosial yang terangkum dalam adat akan cuba diperincikan dengan lebih lanjut dalam perbincangan seterusnya. fokus kajian seterusnya akan cuba mengupas sejauhmana elemen ritual dan hubungannya dengan adat kuat mempengaruhi nilai dan norma kehidupan. Bagaimana proses dan implementasi dari aspek nilai dan etika menurut hukum adat berupaya mewujudkan suatu bentuk kawalan sosial yang sangat efektif dalam amalan hidup masyarakat.

## ii) Adat dan Hukum Alam

Bagi masyarakat Bidayuh adat bersifat menyeluruh dan mengikat yakni mengawal setiap aspek aktiviti kehidupan (Aichner 1950:221). Ia selalunya akan dikaitkan dengan elemen berikut: adat Permissa '*gauge ceremony*' (adat yang berkait dengan upacara pengukuran dan biasanya dilakukan sekali dalam tempoh sepuluh tahun), '*adat kobos nga ngubur*' (adat berkait dengan kematian dan pengebumian), '*adat peranak*' (adat berkait dengan kelahiran), '*adat pimotud*' (adat berkait dengan pertunangan), '*adat bonan-sowan*' (adat berkait dengan perkahwinan), '*adat biruri*' (adat berkait dengan pengubatan), '*adat mowah*' (adat yang berkait hubungan kelamin atau seks), '*adat biposan*' (adat berkait dengan penceraian), '*adat pesaka*' (adat berkait dengan warisan harta pusaka), '*adat sadis nga ngilu*' (adat berkait dengan upacara ritual), '*adat ngawah*' (adat berkait dengan mengenalpasti tapak huma), '*adat nau-rebak*' (adat berkait dengan aktiviti membersih huma), '*adat gawai: gawai sawa, gawai ngipa'an, gawai pinonguh, gawai kinyang, gawai ngra'ngan, gawai papau, gawai sra'ngan, gawai tugat, gawai sitepi'an, gawai mantung, gawai prangka, gawai namui, gawai tubi- bauh, gawai boran, gawai rimbang-badag,*' (adat berkait dengan upacara atau perayaan) dan '*adat bechara*' (adat berkait dengan proses penyelesaian konflik).

Gambaran di atas memerihalkan betapa setiap aktiviti masyarakat terikat dengan adat yang memainkan peranan penting dalam menentukan perlakuan individu serta hubungannya dengan masyarakat. Seperti yang telah dibincangkan dalam bab pengenalan fungsi serta peranan adat jelas sebagai kayu pengukur kawalan sosial di mana konflik sosial

diselesaikan dengan efektif dan berkesan dalam mengekalkan keharmonian masyarakat.

Jensen pernah menegaskan;

*"... any infraction of adat as part of the natural order disturbs the harmony that exists between mankind, nature and the spiritual world, thus creating a state of disquilibrium in man's relationship with the cosmos; a state referred to as 'angat' or 'feverish' the direct opposite being cool and content" (1974:113).*

Jika adat diganggu nescaya malapetaka akan berlaku. Masyarakat atau individu yang tidak patuh akan adat (hukum alam) secara tidak langsung akan mengundang bahaya ke atas diri dan seluruh ahli masyarakat. Ini disebabkan dalam kepercayaan orang Bidayuh setiap insan terikat oleh suatu elemen hubungan manusia dengan alam. Kesalahan yang dianggap serius jika tidak dibayar dengan tuntutan ritual menyebabkan seluruh masyarakat menerima badi/bala yang dipercayai satu bentuk hukuman yang ditetapkan oleh hukum alam. Jika ini berlaku seseorang individu atau ahli masyarakat tidak menganggap ia sebagai suatu kesalahan atau masalah sebaliknya menganggap ia sebagai kejadian yang berhubung-kait dengan tuhan atau semangat (kuasa jahat) yang merencanakan segalanya.

Kepercayaan ini ada kaitannya dengan kosmologi yang dipercayai oleh masyarakat ini. Demikian halnya, setiap aktiviti atau kejadian yang berlaku mereka sangat percaya adanya pengaruh kuasa ghaib yang memainkan peranan mengawal serta mengekalkan keharmonian alam. Dari aspek kawalan sosial adat memperjelaskan melanggari adat menyebabkan gangguan ke atas kesejahteraan sosial. Pendek kata, kehidupan mereka terisi dengan menjunjung adat. Sebaliknya mereka yang hidupnya melarat dan papa-kedana dipercayai tidak meletakkan adat sebagai keutamaan hidup.

Dengan menjunjung adat kehidupan tidak hanya terpelihara dalam keadaan harmonis tetapi juga dipercayai syarat utama yang menjamin hak individu ke atas pemilikan harta pusaka. Oleh itu, ia wujud sebagai syarat yang berperanan memperakui kesahihan hak individu atau masyarakat dalam setiap tindakan serta perlakuan yang dilakukan. Dalam setiap amalan kehidupan, adat wujud sebagai penentu hala-tuju serta jurang antara hukum dan bukan hukum atau semulajadi dan bukan semulajadi.

Salah satu daripada ciri yang menjadi entiti adat ialah konsep pantang larang. Ia membentuk peraturan yang tidak boleh dilakukan. Jika pantang larang diingkari nescaya individu atau masyarakat berhadapan dengan keadaan tidak harmonis dari segi fizikal maupun spiritual. Dalam kepercayaan masyarakat Bidayuh jika pantang larang diingkari sama ada dengan sengaja atau tindakan serta perlakuan di luar pengetahuan individu maka ia perlu dibayar dengan melakukan upacara penyembahan ritual. Untuk itu, maka upacara ritual merupakan proses yang wajib dilakukan untuk mengembali serta mengekalkan keharmonian sosial. Ritual adalah manifestasi adat yang mengukuhkan prinsipnya dalam amalan kehidupan masyarakat.

Konsep hukum alam semulajadi merencana suatu bentuk peraturan sosial tidak mungkin dapat disamakan dengan undang-undang konvensyen moden sekular tetapi lebih menjurus kepada bentuk sistem kawalan sosial yang dicirikan oleh etika atau tatacara hukum alam semujadi. Jika tidak ditaati nescaya individu atau ahli masyarakat itu akan menerima hukuman serta-merta. Bentuk hukuman ini dari segi falsfahnya memberi kesan psikologi secara mendalam kepada si pesalah yang melanggarinya. Kawalan sosial

masyarakat Bidayuh ini, justeru kerana berlandaskan hukum alam, secara tidak langsung ia melibatkan soal moral yang harus dipatuhi dari aspek perundangan.

Peraturan moral ini bukan sekadar bentuk peraturan yang harus ditaati atau dihormati tetapi dalam kawalan sosial masyarakat Bidayuh terselitnya unsur moral yang membentuk kriteria moraliti. Unsur moral yang dimaksudkan di sini bukanlah sesuatu yang mutlak namun ia wujud dalam sifatnya yang relatif. Misalnya dalam amalan kehidupan mereka, unsur moral yang diamalkan dalam tindakan serta perlakuan individu dianggap sah dan diterima-pakai menurut adat. Ini tidak bermakna unsur moral ini sah dan diterima-pakai dalam amalan sekular ataupun konvensyen. Justeru itu, dalam masyarakat Bidayuh aspek moral tidak boleh dipisahkan daripada peraturan sosial kerana konsep moral adalah suatu bentuk moral yang bergerak seiring dengan hukum semulajadi sosial. Dalam kata lain, unsur moral diterima dan dianggap sah sekiranya ia wujud seiring menurut ketentuan adat. Meskipun begitu, peraturan sosial yang ada dalam masyarakat Bidayuh berbentuk kawalan sosial semulajadi tetapi ini tidak bermakna aspek moral boleh dipisahkan dari aspek peraturan sosial dalam amalan hidup yang diamalkan.

### **iii) Amalan dan kawalan ritual**

Masyarakat Bidayuh menganggap adat sebagai suatu himpunan peraturan sosial yang bertindak sebagai elemen yang menentukan bentuk hukuman yang sesuai seiringan dengan kesalahan yang dilakukan. Sekiranya adat diingkari, upacara ritual mesti dilakukan untuk mengembalikan keharmonian dalam masyarakat. Menurut adat kesalahan yang dilakukan oleh seseorang individu atau masyarakat mesti dibayar dengan wang ringgit atau barang mengikut bentuk serta kesesuaian dengan syarat ia dipersetujui oleh semua pihak sebagai ganti rugi. Begitu juga, jika kesalahan yang dilakukan dianggap kesalahan ritual maka bayaran atau ganti rugi pula harus dibuat dalam bentuk ritual. Sementara bayaran atau ganti rugi ritual pula mesti mengikut kesesuaian tuntutan ritual dan diterima-pakai oleh semua pihak. Dalam masyarakat Bidayuh bayaran atau ganti rugi sama ada dalam bentuk wang ringgit/barangan mahupun biayaan ritual dianggap sebagai ‘prosis’.

Bentuk prosis pula akan bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan dan ini juga bergantung kepada budi-bicara Tua Kaum serta pembantunya dengan dipersetujui pula oleh kedua-dua pihak yang berkonflik. Dalam adat Bidayuh wujudnya elemen **Takud** yang membawa makna mengembalikan keharmonian atau ‘state of balance’. Takud pula mendukung makna dalam dua bentuk. Pertama takud menuntut bentuk penyelesaian yang mana si pesalah harus membayar denda dalam bentuk [Buah] kepada mangsa untuk mengembalikan ‘state of balance’ atau kesejahteraan kepada kedua belah pihak. Kedua, bayaran yang harus dibayar oleh si pesalah kepada mangsanya ialah dalam bentuk [prosis] kepada mangsanya supaya masyarakat memperoleh kesejahteraan fizikal dan spiritual. Dalam konsep takud bayaran ataupun ganti rugi yang dikenakan ke atas si pesalah tidak

dianggap sebagai denda atau hukuman. Sebagai contohnya seseorang individu yang tertembak kawannya semasa aktiviti berburu dianggap sebagai suatu kesalahan serius mengikut undang-undang sekular. Jika didapati bersalah dia boleh dihukum atau dipenjara. Tetapi menurut hukum adat, kejadian ini tidak dianggap sebagai satu kesalahan apabila si pesalah bertindak memberi atau membayar keluarga mangsa dengan wang ringgit atau barang lain mengikut kemampuan dengan persetujuan pihak mangsa.

Bayaran pula perlu dilakukan serta-merta dengan penuh ikhlas dan tanpa paksaan. Inilah bentuk takud yang kuat dari segi falsafahnya dalam amalan masyarakat Bidayuh dan menurut adat ia dikenali juga sebagai Kati belima ( rujuk adat Bidayuh, 1994; seksyen 96). Menurut adat, sesetengah tindakan membayar atau memberi takud sebaik sahaja selepas berlakunya kejadian atau kemalangan maka kejadian itu tidak dianggap sebagai satu kesalahan kerana pembayaran atau penebusan yang dibuat dilihat sebagai suatu tindakan murni untuk mengembalikan serta mengekalkan keharmonian fizikal dan spiritual dalam diri individu dan masyarakat. Sebagai contohnya melakukan kesalahan seperti berkhendak atau menuntut cerai seseorang itu tertakhlik kepada denda sekular dan ia dilakukan mengikut tiga unit denda yang ditetapkan seperti berikut; Kati, setengah pikul dan satu pikul. Satu kati bersamaan dengan nilai RM1.00 manakala satu pikul pula bersamaan dengan RM100.00. Unit ukuran denda ini adalah seperti berikut;

**10 kati = sepuluh Ringgit Malaysia (RM10.00)**

**$\frac{1}{2}$  Pikul = Lima puluh Ringgit Malaysia (RM50.00)**

**1 Pikul = Seratus Ringgit Malaysia (RM100.00)**

Dalam ritual contohnya bentuk bayaran kadangkala dalam bentuk material selain dari wang ringgit. Bentuk bayaran biasanya akan melibatkan aktiviti penyembahan darah (darah ayam akan digunakan bagi kesalahan yang dianggap tidak serius dan darah babi pula digunakan bagi jenis kesalahan yang serius). Penyembahan darah sebagai bayaran atau denda dianggap paling berkesan dalam mengembalikan kesejahteraan fizikal dan spiritual sosial masyarakat secara simbolik. Penyembahan ritual adalah tindakan simbolik yang bukan sahaja penyelesaian untuk memperoleh keharmonian fizikal mahupun spiritual tetapi mengembalikan keyakinan dalam diri individu yang telah melakukan kesalahan atau menjadi mangsa. Konsep ‘malu’ contohnya merupakan elemen yang sangat kuat ke atas keperibadian individu atau masyarakat seluruhnya. Oleh itu, setiap individu mahupun masyarakat perlu sentiasa berhati-hati dalam tindakan mahupun perlakuan supaya tidak menyalahi peraturan sosial yang boleh mengaibkan maruah dan harga diri. Pendek kata, untuk mengelak ‘malu’ seseorang itu mesti *beradar* dalam setiap tindakan.

Menurut adat, jika berlaku sesuatu yang tidak baik ia bukan hanya memberi kesan kepada pelaku atau mangsa tetapi juga akan melibatkan keluarga (unit sosial) atau seluruh ahli Botang Romin. Malu adalah suatu perkara yang sangat dititik-beratkan dalam kehidupan bermasyarakat orang Bidayuh. Ini disebabkan jika kesalahan dilakukan nescaya seluruh ahli masyarakat Botang Romin atau Kupuo akan mengetahuinya. Denda ritual adakalanya sangat mahal atau terlalu sukar untuk dipenuhi terutamanya jika keluarga atau mangsa datangnya daripada keluarga elit. Justeru rasa ‘malu’ hanya boleh dikikis apabila si pesalah dapat menyedia atau membayar denda ritual menurut kesesuaian dan dipersetujui pula oleh keluarga mangsa. Oleh itu, konsep ‘malu’ merupakan etika sosial yang sangat ditekankan oleh setiap ahli masyarakat demi untuk memelihara harga serta maruah diri

malah ahli keluarga dan masyarakat Botang Romin seluruhnya. Bertindak serta berkelakuan waras dan sentiasa berhati-hati menghindari malu menjadikan setiap orang terpelihara dalam keadaan sejahtera dan harmonis. Jelas konsep malu membentuk etika sosial yang sangat kuat pengaruhnya mengawal serta memelihara tingkah laku individu dalam bertindak.

Selain dari itu, bayaran dalam bentuk darah dianggap sebagai suatu amalan yang sangat serius. Amalan ini pula, wajib dilakukan terutamanya apabila melibatkan kesalahan atau perbuatan seperti zina. Jika seseorang perempuan yang sudah bersuami berlaku curang dan melakukan hubungan sulit dengan suami orang maka kedua-duanya akan didenda mengikut hukum adat. Kedua-dua mereka diminta untuk membiayai upacara ritual sebagai denda atas kesalahan yang telah dilakukan. Mereka diminta menyediakan seekor babi jantan untuk upacara ritual yang dijalankan. Secara simbolik kedua-duanya akan dimandikan dengan darah babi oleh Tua gawai untuk membersihkan mereka dari dosa yang telah mereka lakukan. Ia dilakukan bukan hanya untuk membersihkan mereka tetapi juga membersihkan semua penghuni Botang Romin dan masyarakat seluruhnya agar bebas daripada bala akibat daripada tindakan mereka. Selain itu, kedua-duanya pula diminta membayar gantirugi kepada pasangan masing-masing dan gantirugi tersebut berupa sebiji Tajau Rumping, gong atau sebarang bentuk pusaka berupa tembaga yang merupakan pusaka yang paling mahal dalam masyarakat Bidayuh.

Perlu juga ditekankan bahawa Semangat memainkan peranan penting dalam amalan ritual yang menjadi sebahagian daripada adat mereka. Dipercayai segala harta pusaka yang menjadi pemilikan seseorang individu atau seluruh ahli masyarakat akan

mendatangkan malapetaka bukan setakat dalam bentuk fizikal tetapi juga dalam bentuk spiritual (semangat) jika ia tidak dijaga dengan betul. Gangguan ke atas diri atau harta pemilikan akan membahayakan semangat seseorang. Jika semangat seseorang itu tidak kuat dan terganggu maka mudahlah ia diganggu semangat (kuasa jahat). Contohnya jika seseorang meredah masuk ke dalam huma orang lain dan mengambil atau melakukan sesuatu yang diluar pengetahuan empunya maka dipercayai tindakannya itu boleh memudaratkan semangat empunya huma itu. Dia bukan sahaja dipercayai akan jatuh sakit malah segala tanaman atau aktiviti yang dilakukan tidak mendapat berkat. Sebaliknya malapetaka serta kemudaratian yang bakal melanda diri serta keluarganya. Untuk mengelakkan ini berlaku si penceroboh tersebut haruslah membayar gantirugi kepada mangsanya dengan membiayai upacara ritual (Gawai simengi) yang akan dilakukan.

Dalam kes yang melibatkan kepentingan masyarakat secara menyeluruh berlaku di mana ‘Guna’ (tempat keramat yang dianggap suci) dicerobohi, dan kesalahan dianggap sebagai satu kesalahan yang sangat besar. Guna merupakan tempat suci yang dianggap keramat dan tidak boleh diganggu oleh sesiapa dan jika ini berlaku nescaya seluruh masyarakat akan mendapat bala bukan hanya dari aspek fizikal tetapi juga spiritual. Oleh itu, untuk mengembalikan atau memperkuatkan semangat upacara ritual wajib dilakukan mengikut prosedur tertentu yang telah ditetapkan. Seperti yang diperkatakan oleh Heppell ;

*“ ... this practice of ‘strengthening the soul as being a social control mechanism and argued that the ritual was the earliest conventionalized means of making reparation in Iban society. Out of these overtly ritual measures grew the later practices of making payment in value in the form of fines and compensation”*  
( 1975:133 ).

Dalam kes lain, misalnya jenayah seperti kecurian atau sesuatu kejadian atau kesalahan yang tidak dapat dikesan dan diketahui si pesalahnya maka tindakan tersebut dipercayai akan mendatangkan '*turah*' atau '*kapir*' kepada mangsanya. Namun dalam kes tertentu, individu yang melakukan kesalahan ke atas orang lain jika tidak diketahui secara spiritual atau psikologi juga akan mendapat balasan atau bala. Konsep kapir atau turah dalam sistem adat masyarakat Bidayuh adalah satu himpunan peraturan yang mengukuh serta memperkuatkan sistem sosial secara tidak langsung. Walaupun dalam sesuatu kes tertentu dimana orang yang melakukan kesalahan tidak dapat dikesan atau diketahui dan tidak menerima hukuman tetapi ini bukan bermakna dia akan terlepas kerana secara spiritualnya dia dipercayai akan menerima balasan menurut hukum alam. Secara sedar atau tidak seseorang itu akan menerima suatu bentuk hukuman semulajadi yakni '*kapir*' mahupun '*turah*.' Satu bentuk pembalasan spiritual yang sangat ditakuti oleh sesiapa sahaja yang melakukan kesalahan secara sengaja atau sebaliknya kerana dipercayai tiada individu mempunyai kekebalan di sisi undang-undang adat.

Justeru itu, bagi mereka adat menganjurkan satu sistem undang-undang sosial yang sangat kuat serta berpengaruh memelihara keharmonian sosial. Pembalasan atau hukuman bersifat spiritual seperti ini adalah amat penting dalam mengekalkan keupayaan atau kesahan adat dalam mengawal serta mengekalkan kesejahteraan sosial dari segi fizikal mahupun spiritual. Adat wujud sebagai salah satu himpunan peraturan sosial tidak formal yang dipraktikkan ternyata berjaya mewujudkan keutuhan sistem sosial masyarakatnya. Dalam hal ini, ia juga bertindak sebagai elemen penting yang dirujuk bagi menyelesaikan masalah yang berlaku dikalangan individu serta ahli masyarakat dari konteks perundangan sosial secara tidak formal dengan efektif.

#### **iv) Undang-undang adat**

Adat merupakan peraturan sosial yang sangat efektif untuk mengekal serta mengawal konflik sosial. Dalam hal ini, tinjauan akan dibuat berdasarkan kepada tiga aspek penting yang berhubung kait dengan kesahan adat bertindak sebagai alat kawalan sosial yang efektif;

- a) Prosedur kawalan sosial dari segi teori.
- b) Prosedur kawalan sosial dari segi fizikal.
- c) Prosedur kawalan sosial menurut kaedah perundingan: Budi Bicara / lisan

Sebelum tinjauan lanjut dilakukan ke atas adat sebagai elemen kawalan sosial yang efektif dalam masyarakat tradisi adalah penting menyorot kembali latar belakang serta tradisi adat yang menjadi amalan dalam masyarakat Bidayuh.

Perselisihan atau konflik sosial yang berlaku biasanya ditangani oleh Tua kaum atau Orang Kaya atau Pingara (gelaran ketua yang dipakai dalam masyarakat Bidayuh) yang berpengaruh dan mahkamahnya di wakili oleh majistret yang terdiri daripada pembantu atau kakitangan yang dilantik oleh ahli masyarakatnya. Ada kalanya orang kaya bertindak sebagai pengantara dalam menyelesaikan konflik yang berlaku antara rumah panjang yang berlainan dengan mengguna budi bicaranya sendiri. Dalam hal ini, kedua-dua pihak akan menerima kod etika sosial yang tidak tertulis termaktub dalam adat sebagai keputusan muktamad dalam proses penyelesaian konflik yang diadili. Walau bagaimanapun , kod etika itu mesti dipersetujui oleh mereka dan diterima-pakai sebagai cara

penyelesaian terbaik. Kod etika ini adalah adat yang diperkuuhkan oleh kepercayaan etika moral yang didokong oleh tuntutan ritual dan jika diingkari malapetaka dalam bentuk supernatural akan menimpa. Peralihan politik yang dibawa oleh Dinasti Brooke 1841 secara tidak langsung telah membawa kesan ke atas nilai yang dipertahankan oleh orang Bidayuh. Sistem pentadbiran dinasti Brooke telah memaksa beberapa elemen adat serta institusi kawalan sosial distrukturkan semula. Walau bagaimanapun Rajah Putih berhati-hati dalam polisi yang dilakukan agar ia tidak bertentangan dengan adat. Pengubahsuaian prinsip adat hanya dilakukan menurut kesesuaian bagi beberapa bentuk hukuman fizikal atau spiritual yang dianggap tidak munasabah dalam soal perundangan. Rajah Charles Brooke misalnya pernah menegaskan;

*"A government such as that of Sarawak may start from things as we find them, putting it's veto on what is dangerous or unjust and supporting what is fair and equitable in usages of the natives, and letting system and legislation wait upon occasion. When new wants are felt, it examines and provides for them by measures rather made on the spot than imported from abroad; and to ensure that these shall not be contrary to native customs, the consent of the people is gained for them before they are put in force" (Sarawak gazette 1964:225).*

Dalam hal-hal pentadbiran James Brooke sendiri merupakan seorang yang agak konservatif dengan mengekalkan adat pada asas yang tulen sebagai sistem kawalan sosial tradisi. Beliau begitu prihatin serta tidak menyentuh elemen sensitive masyarakat tempatan sebaliknya membiarkan mereka menentukan etika serta tatacara sosial yang amalan dalam hidup. Tindakan yang berhati-hati mengenepikan setimen sensitiviti penduduk setempat dengan mengaplikasikan undang-undang Inggeris ke dalam sistem sosio-budaya, ekonomi serta politik tempatan menurut keperluan dan kesesuaian menyebabkan institusi adat terus kekal utuh dalam struktur sosial masyarakatnya. Malah dalam beberapa hal, beliau mengadaptasikan nilai dan sistem adat ke dalam sistem pentadbiran yang sedia ada. Oleh

itu bertepatan dengan latarbelakang serta tradisi adat sebagai sistem kawalan sosial tradisi yang dominan membantu kita untuk mengupas proses perundangan adat dengan lebih relevan dalam konteks kajian ini.

### a) Prosedur kawalan sosial dari segi teori

Pada peringkat awal tidak wujud undang-undang adat yang ditulis atau direkod dalam bentuk formal. Walau bagaimanapun konsep adat yang mendukung proses prosedur perundangan sosial lisan yang diwarisi secara turun-temurun diterima-pakai dan dijadikan panduan dalam menyelesaikan konflik. Undang-undang adat yang tidak bertulis ini terletak pada asas lisan yang sentiasa menjadi pegangan dalam diri individu serta masyarakat dan dijadikan pedoman untuk memperoleh keharmonian hidup. Oleh itu, dalam kehidupan masyarakat semangat adat yang wujud dalam bentuk lisan dan tidak formal ini diserapkan untuk menyelesaikan sebarang bentuk konflik sosial yang dihadapi. Semangat adat dalam bentuk lisan ini sentiasa hidup dan mempunyai kekuatan dalam pegangan individu. Kekuatan dalam amalan serta pegangan individu mahupun masyarakat mendukung semangat lisan adat ini ialah apabila berhadapan dengan konflik. Ia biasanya diamalkan menurut semangat;

*"Inoh baga ba'da isho  
Inoh isho ba'da manyap"*

*Perkara besar jadikan kecil  
Perkara kecil jadikan tiada*

Asas adat ini menjadi mekanisme mutlak yang digunakan untuk menyelesaikan sebarang konflik yang berlaku di mana ia terus dipertahankan serta diperaktikkan dalam menegakkan sistem keadilan sosial. Bagi memastikan sebarang bentuk perselisihan diselesaikan secara adil dan saksama maka prinsip ini mesti dirujuk. Jika konflik yang ada

berbentuk konflik sosial yang kecil, pihak yang terlibat akan mengadakan ‘ngudung’ (mesyuarat) dengan ‘*Pingara*’ dalam bentuk tidak formal dan dihadiri oleh ahli kerabat terdekat sahaja. Ini bertujuan untuk mengelakkan penglibatan ahli masyarakat yang merumitkan lagi laluan ke arah menyelesaikan masalah. Biarlah konflik yang dianggap tidak serius atau kecil diselesaikan dengan cara ringkas dan mudah; menjadikan ia ‘*manyap*’ atau tiada. *Pingara* atau Tua kaum pula bertindak memutuskan kata putus mengikut budi bicara sendiri atau meminta ahli kerabat serta rakan mereka yang bertelagah menerima keputusan yang dibuat agar segala bentuk perbezaan pendapat diselesaikan. Jelas dalam hal ini, prosedur penyelesaian konflik mengikut cara begini diterima-pakai sebagai proses penyelesaian konflik secara diplomasi dan pragmatik.

Proses perundangan adat juga diperkuuhkan melalui tututan ritual. Prosedur ritual dan spiritual biasanya terungkap dalam ‘*tubi Sebud*’ iaitu upacara ritual yang diiringi dengan ungkapan yang dilafazkan seperti berikut;

“Apu abu ‘ong, bu ‘ruong, tarun tana,  
mikriam, miriam, turah, tiyo, kapir,  
ba ‘da rubo, rapat, suntung, darum,  
nupap, batuh, bangap, ar ‘o, pikir, kira...  
....., asi-asi daya ngikanang ra ‘an kabang adat.”

*Penunggu segala alam, hutan rimba, tanah dan bumi  
alpa, lalai, tulah, melarat, duka nestapa,  
rimbun, rendah, diding tembok,  
kaburkan mata, akal fikiran...  
sesiapa yang mengingkari serta membelakangkan adat.”*

Ritual lisan seperti yang tercatat di atas menggambarkan betapa adat bertindak sebagai mekanisme yang mengikat perlakuan sosial individu untuk bertindak. Dalam hal ini, adat menganjurkan suatu bentuk peraturan sosial yang sangat mengikat dan mesti dipatuhi. Jika ia tidak dipatuhi atau dijadikan pedoman dalam hidup nescaya malapeka akan menimpa sama ada dalam bentuk fizikal maupun spiritual. Meminjam peribahasa orang Iban (Sandin 1980), adat ibaratkan seekor ular tedung yang tidak ganas andai tidak diganggu sebaliknya patukannya sangat berbisa bila ia dipijak. Demikian juga adat, ia menjadikan setiap individu waspada dalam setiap tindakan kerana apabila adat tidak dipatuhi nescaya mengundang padah; dihukum oleh undang-undang.

Bagi masyarakat Bidayuh sebelum adat dirujuk, sebagai jalan penyelesaian dalam konflik yang dihadapi seseorang itu mesti memastikan dirinya benar-benar bersih kerana menurut adat kebenaran akan terungkai tidak dalam bentuk fizikal sebaliknya spiritual. Rasionalnya dalam konteks ini adat dapat menegakan kebenaran bukan hanya dari aspek fizikal tetapi juga spiritual dalam mengekalkan ‘state of balance’ dalam masyarakat. Semangat adat ini diperkuatkan serta diperkayakan lagi dengan ungkapan yang diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi. Dalam masyarakat Bidayuh adat wujud sebagai suatu bentuk kawalan sosial tidak kekal dalam statusnya sebagai perundangan yang statik kerana seperti yang telah dibincangkan dalam bab yang lalu konsep serta operasi adat bersifat pragmatik yakni mengalami proses perubahan seiring dengan perubahan masa, tempat dan keadaan. Pengamalan adat yang dijunjung melalui proses lisan yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi menjadikan prinsipnya tidak statik dalam pegangan dan kepercayaan individu. Meskipun begitu, ia tetap menjadi asas kukuh dari aspek praktis dan amalan bagi mereka yang mendukungnya.

Adat sesungguhnya bukan suatu bentuk perundangan yang ‘tetap’ sebaliknya bersifat pragmatik sesuai menurut masa, tempat dan keadaan sosial. Bagi orang Bidayuh jika adat bersifat mengikat maknanya ia harus dipatuhi dan tidak diingkari. Tidak bermakna pula adat tidak boleh diubahsuai atau ditukar ganti dengan elemen yang baru yang mengukuhkan lagi operasi adat sebagai prosedur perundangan yang efektif. Bertepatan dengan senario ini maka adat dengan mengadaptasi unsur baru kekal utuh sebagai elemen kawalan sosial dalam bentuk lisan. Dalam hal ini, operasi adat kekal utuh dalam amalan masyarakat dan berupaya merencanakan segala aktiviti atau perlakuan sosial dengan berpegang kepada manifestasi lisan seperti di bawah;

*“Bo’us banggan pikir ra’an pinggangat  
kanu bitigian atag adat.”*

*“tidur dengan berbantalkan ingatan dan tradisi  
berjalan dengan berpaut pada hukum adat.”*

Ini menunjukkan betapa seluruh kehidupan mereka diabadikan dalam sistem tradisi adat yang diamalkan. Perlakuan dan tindakan yang menurut adat akan menjadikan seseorang individu sempurna. Perlu ditegaskan dalam hal ini, adat menekankan aspek moral di dalam prosedur perundangan yakni menuntut setiap individu bertindak berlandaskan hukum alam atau adat.

### **b) Prosedur kawalan sosial dari segi fizikal**

Proses penyelesaian konflik telah tersedia wujud dan dipraktikkan dalam adat Bidayuh dengan tujuan menegakkan kebenaran atau cara menyelesaikan konflik yang timbul dikalangan ahli masyarakat. Bagi masyarakat Bidayuh terdapat beberapa kaedah yang digunakan antaranya '*beraga masang apui kuwang payang*' ( beradu menyala api menggunakan isi buah kepayang bagi tujuan memastikan hak dalam pemilikan), '*nyipa manuk*' (menyapa bunyi burung, biasanya digunakan dalam kes perselisihan kecil seperti mencuri, menipu, fitnah dan sebagainya), '*minyeram pi'in*' (menyelam sungai), '*beraga pi'in poras*' ( beradu dengan mengikat tangan mengambil telur dalam air panas yang mendidih) dan '*beraga apui*' ( beradu mengambil sesuatu atas bara api yang marak). Kesemua kaedah ini diaplikasikan dalam proses perundangan adat tradisi orang Bidayuh untuk melicinkan proses pelaksanaan perundangan.

'*Beraga masang apui*' adalah Suatu bentuk pertandingan yang melibatkan dua pihak yang berkonflik dan dikehendaki menyalakan api dengan menggunakan isi kepayang yang telah disediakan oleh pingara atau tua kaum yang dilantik. Proses pertandingan ini melibatkan peraturan yang ketat. Kaedah ini biasanya diaplikasikan ke atas penyelesaian konflik yang melibatkan tuntutan ke atas tanah atau harta pusaka. Dalam pada itu, prosedur "*nyipa manuk*", "*minyeram pi'in*", dan "*beraga*" salah satu bentuk proses prosedur perundangan yang digunakan sesuai dengan konflik yang hendak diselesaikan. Dalam kes tertentu, umpamanya berzina atau fitnah, prosedur Beraga akan digunakan. Kedua-dua pihak yang berkonflik dikehendaki mengambil telur dalam air mendidih dengan tangan terikat secara serentak. Prosedur ini biasanya diikuti oleh elemen spiritual dalam upacara

ritual. Dengan melibatkan proses ini maka dipercayai kebenaran akan terjawab kerana adanya pengaruh alam spiritual menjadi asas kepercayaan yang terangkum menurut adat.

Oleh itu, bagi masyarakat Bidayuh prosedur perundangan seperti di atas dipercayai efektif sebagai salah satu cara menegakkan keadilan. Selain berfungsi menentukan kebenaran, ia juga menjadi syarat penting yang mengukuhkan keberadaan adat sebagai alat kawalan sosial yang diamalkan oleh masyarakat. Penggunaannya sebagai salah satu prosedur penyelesaian konflik yang efektif dalam masyarakat menjadikan ia kekal wujud dalam amalan hidup masyarakat. Pelaksanaannya utuh dalam amalan hidup mereka kerana dipercayai ia bukan sekadar bentuk prosedur perundangan yang melibatkan proses fizikal malah merangkumi elemen spiritual menjadikan ia kuat dari segi prinsip dan implementasi.

c) Prosedur kawalan sosial menurut kaedah perundingan: Budi bicara / Lisan

Bagi masyarakat Bidayuh tradisi penyelesaian konflik bukan hanya berlandaskan kaedah yang telah dihuraikan tetapi ia turut melibatkan proses ‘Bechara’ atau ‘ngudung’ (mesyuarat). Prosedur ini pula diketuai oleh Pingara atau penghulu sesuai dengan bentuk konflik yang berlaku. Sekiranya kes itu dianggap tidak serius maka Pingara akan dipertanggungjawabkan untuk mengendalikannya. Sementara dalam kes yang dinggap serius dan rumit maka penghulu pula akan bertanggungjawab menyelesaiakannya. Walau bagaimanapun, melalui prosedur ini sesuatu konflik atau perselisihan biasanya akan dikendalikan menurut proses orang tengah atau Pengantara. Prosedur ini diamalkan untuk mengelakkan berlaku perselisihan pendapat di samping melicinkan lagi proses penyelesaian sesuatu kes. Pengantara pula terdiri daripada ahli kerabat kedua pihak yang berbalah dan dilantik oleh Ahli Jawatankuasa atas nasihat Pingara. Tugasnya ialah mewakili pihak yang berbalah hujah sewaktu proses Bechara dijalankan.

Masyarakat Bidayuh tradisi percaya peranan orang tengah merupakan amalan terbaik, penggunaannya diperakui dan diterima-pakai sebagai prosedur penyelesaian konflik sosial yang efektif. Kerana melalui proses ini semua pihak yang berbalah diberi peluang yang saksama menyuarakan pendapat tanpa petengkar yang boleh menyinggung perasaan mana-mana pihak yang boleh mengakibatkan rasa malu. Kaedah ini biasanya digunakan jika perbalahan yang timbul melibatkan dua pihak daripada rumah panjang atau kawasan petempatan yang berbeza. Sather (1980) memperjelaskan fenomena ini dengan mengatakan;

*" Within a longhouse respected elders frequently intervened in disputes, restraining the two sides and acting with their consent as negotiating agents. Such intervention was strongly supported by iban values. Particularly by the notion that a breach of adat or unresolved contention posed a collective spiritual danger to the well-being of all community members. Public spirited elders, including the longhouse headman and friends of the disputants, might even agree to make token compensation themselves, called "sa-uta iring manok". In doing so, a speedy settlement was often achieved that avoided acrimony and possible loss of face by the principals" (Sather dalam Sandin 1980:xxiii).*

Prosedur Ngudung pula terbahagi kepada dua konsep yakni *Ngudung Ba'as* (mesyuarat penting) dan *Ngudug Ish'o* (mesyuarat kecil) yang masing-masing mempunyai tujuan tertentu. *Ngudung Ba'as* biasanya akan diadakan di 'Baruk' (rumah yang menjadi mercu tanda bagi setiap kampung masyarakat Bidayuh) dengan dihadiri oleh seluruh warga rumah panjang yang diketuai Pingara atau Penghulu atau ketua masyarakat yang dilantik. Sementara prosedur *Ngudung Ish'o* pula diadakan untuk menyelesaikan perbalahan yang dianggap kecil atau tidak serius dan hanya dihadiri oleh individu yang berbalah, kerabat terdekat serta Pingara yang bertindak sebagai Mejistret.

Selain daripada kaedah di atas, masyarakat Bidayuh juga menyelesaikan konflik yang serius atau rumit melalui proses Bechara (public hearing). Melalui prosedur ini pingara atau penghulu akan bertindak mengikut budi bicara dengan memanggil beberapa kakitangan yang telah dilantik disamping menetapkan tarikh dan tempat di mana Bechara akan diadakan. Selain pihak yang berkonflik, semua ahli masyarakat juga dijemput menghadiri proses Bechara sebagai saksi dalam prosedur perundingan. Proses ini dilaksanakan seperti berikut; Pingara atau penghulu akan memulakan perundingan dengan memperjelaskan tujuan Bechara diadakan. Selepas itu baharulah kes yang hendak

diselesaikan dibawa ke depan di mana ia diperdebatkan oleh ahli majlis yang pakar tentang adat. Prosedur ini jelas diuraikan oleh Sather seperti berikut;

*“Traditionally iban leaders sought to settle disputes, as far as possible, through negotiation and attempted to avert recourse to self-help and other means that might potentially lead to open violence. In this, they were greatly aided by highly comprehensive nature of traditional adat itself, which, although unwritten gave systematic definition of offences and correct punishment” (ibid).*

Selesai perdebatan setiap ahli majlis akan diminta untuk menggulung perbahasan berhubung dengan keputusan yang bakal dibuat. Walau bagaimanapun dalam hal ini, pingara atau penghulu akan menggunakan budi bicara dan pengetahuannya tentang adat di samping mendapatkan nasihat ahli majlis dalam membuat keputusan. Selain itu, sistem sosial yang ‘*endogamous*’ ditambah lagi dengan ikatan sentimen kekerabatan yang kuat memaksa masalah yang timbul diselesaikan dengan penuh tolak ansur: suatu sistem yang dituntut dalam adat.

Implikasi prosedur penyelesaian konflik melalui kaedah ‘*Ngudung*’ dan ‘*Bechara*’ menjadikan adat sentiasa hidup dalam amalan masyarakat dan beroperasi mengekalkan keharmonian organisasi sosialnya. Prosedur ini dianggap berkesan kerana dianjurkan melalui kaedah perundingan yang melibatkan semua pihak yang mana suatu bentuk keputusan yang diambil berdasarkan persetujuan bersama menurut *adat*. Penyelesaian konflik begini lebih baik dan dianggap paling dalam menyelesaikan konflik dalam masyarakat yang mendukung dan mempraktikkan semangat adat dalam amalan kehidupan.

Heppell contohnya menegaskan;

*" Native judicial decision needs not result in what a westerner would regard as a just solution, but it does result in adversaries openly agreeing to the terms which extinguish a dispute and enable a modicum of harmony to be restored to the group "(Heppell 1975:301).*

Perundingan dan keputusan yang dicapai bukan hanya suatu bentuk manifestasi sosial secara fizikal tetapi juga mengesahkan manifestasi yang wujud bersifat spiritual; inilah semangat adat. Oleh itu, sebarang keputusan yang diputuskan pingara, penghulu atau ketua adat mestilah tidak bercanggah dengan nilai atau norma sosial tradisi yang dipertahankan.